


**VISUAL SINEMATIK DALAM NARATIF FILEM
'LELAKI HARAPAN DUNIA' DAN 'TERBAIK
DARI LANGIT'**



M FAZMI BIN HISHAM

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

**VISUAL SINEMATIK DALAM NARATIF FILEM
'LELAKI HARAPAN DUNIA' DAN 'TERBAIK DARI
LANGIT'**

M FAZMI BIN HISHAM



UMS

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT
MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2020**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN TESIS

JUDUL : _____

IJAZAH : _____

SAYA : _____ SESI PENGAJIAN : _____

(HURUF BESAR)

Mengaku membenarkan tesis *(LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT (Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD (Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh:

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: _____

(NAMA PENYELIA)

TARIKH: _____

TARIKH: _____

Catatan:

*Potong yang tidak berkenaan.

*Jika tesis ini SULIT dan TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.


*Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana Secara Penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Tesis Doktor Falsafah (Seni Visual) ini merupakan hasil usaha dan kerja saya sendiri, melainkan petikan dan ringkasan yang setiap satunya saya telah jelaskan sumbernya.

8 Mac 2019


M Fazmi Hisham
DA1421009T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **M FAZMI BIN HISHAM**
NO MATRIK : **DA1421009T**
TAJUK : **VISUAL SINEMATIK DALAM NARATIF FILEM
'LELAKI HARAPAN DUNIA' DAN 'TERBAIK DARI
LANGIT'**
IJAZAH : **DOKTOR FALSAFAH (SENI VISUAL)**
BIDANG : **SENI VISUAL**
TARIKH VIVA : **7 NOVEMBER 2019**



DISAHKAN OLEH;
UMMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TANDATANGAN

- 1. PENYELIA UTAMA**
Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md. Dawam _____
- 2. PENYELIA BERSAMA**
Dr. Imelda Ann Achin _____

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Bismillahirrahmanirrahim

Allahu akbar. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, kajian ilmiah ini telah berjaya disiapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam, selaku penyelia utama dan Dr. Imelda Ann Achin selaku penyelia bersama serta ahli Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan yang telah banyak membantu dan memberikan tunjuk ajar, perhatian, semangat dan nasihat di dalam menjalankan kajian ilmiah ini.

Begitu juga kepada semua kakitangan sokongan Fakulti Kemanusiaan, Seni Dan Warisan, kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah, yang telah memberi apa sahaja laluan dan bantuan yang berharga. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan, sepengajian lain, pekerja filem, orang perseorangan yang terlibat dalam bidang pengajian filem kerana dorongan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

Jutaan kalungan kasih kepada keluarga tercinta. Dedikasi kasih dan sayang buat pengorbanan arwah Ayah dan Ibu, Allahyarham Cikgu Hisham Abu dan Allahyarhamah Hj. Habibah Hj. Ibrahim yang telah pergi. Ibu bapa mertua; Hj. Mislan Hj. Timin dan Hj. Zainon Hj. Suraji, adik beradik serta ipar duai. Teristimewa buat isteri tersayang Lizah Mislan dan anak-anak; Faza Dalili, Faza Darwish, Faza Darin Eryna dan Faza Danial yang telah mencakna tentang masa, tenaga, emosi dalam memberikan nasihat, semangat, sokongan mental dan fizikal sepanjang tempoh saya menyediakan tesis ini. Demi ilmu pengetahuan yang ibarat setitik air ditengah lautan yang luas, semangat juang darah pendidik dilangsungkan semoga terus menjadi ikutan anak, cucu dan cicit di masa hadapan. Anda semua adalah segala-galanya.

Terima kasih semua kerana memahami, bantuan serta semangat yang telah dihulurkan.

جَزَاكَ اللَّهُ خَيْرًا
Jazāk Allāhu Khayran

M Fazmi Bin Hisham
8 Mac 2019

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis sistem tanda dan penanda yang membawa makna dalam aspek visual sinematik dalam naratif filem *Lelaki Harapan Dunia dan Terbaik Dari Langit* yang masing-masing diterbitkan pada tahun 2014. Dalam konteks penelitian ini, filem merupakan sebuah teks yang penuh makna dan multi tafsir yang tersusun dari penanda dan petanda. Pemilihan adegan-adegan dalam filem akan diteliti bagi tujuan mendapatkan sistem tanda yang cuba diketengahkan oleh kedua-dua filem terbabit. Adakah pembentuk makna denotasi, konotasi dan mitos terhasil menerusi teknik sinematik. Ini sesuai dengan gagasan Barthes yang mengembangkan sistem tanda Pierce kepada yang lebih luas iaitu dua tahap signifikasi penanda dan petanda kepada detonasi, konotasi dan mitos. Detonasi adalah apa yang kita lihat melalui gambar/visual/imej. Konotasi pula apa yang kita dapat fikirkan tentang maknanya. Oleh itu pengkaji merumuskan masalah sebagai berikut: bagaimana konstruksi makna dalam filem pilihan dihubungkan dengan analisis unsur sinematik dan semiotik. Bagaimanakah teknik visual sinematik dapat memberi makna semiotik dalam naratif filem? Justeru kajian ini mendapati sesebuah filem yang memaparkan naratif hubungan sosial budaya tidak hanya semata-mata sebuah gambar bergerak tetapi banyak melibatkan mesej tertentu yang cuba disampaikan menerusi sistem tanda dan makna. Sistem tanda dan makna ini tidak mudah di perolehi dengan hanya menonton sebuah naratif dan teknik sinematografi semata-mata tetapi perlu berhubung dengan sudut sosial, psikologi, emosi, budaya masyarakat dan realiti kehidupan manusia. Filem adalah wacana dari realiti masyarakat dan berbeza dari renungan dari realiti di mana filem membentuk dan menghadirkan kembali realiti berdasarkan kod, konvensyen, dan ideologi dari kebudayaan (Sobur, 2009: 128). Karya filem dibangunkan dengan sistem tanda semata-mata yang merupakan simbol-simbol daripada verbal mahu pun non-verbal yang memiliki makna sama ada makna denotatif, mahu pun makna konotatif.

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

ABSTRACT

CINEMATIC VISUAL IN THE FILM NARRATIVE "LELAKI HARAPAN DUNIA" AND "TERBAIK DARI LANGIT"

This study analyses the system of signs that carry meaning in regards to cinematic visual in the narrative film of 'Lelaki Harapan Dunia' and 'Terbaik Dari Langit' respectively released in 2014. In the context of this research, film is known rich and multi-dimensional text composed of signs and signifiers. The selection of scenes in the film will be explored for the purpose of obtaining a system of signs that the two films will feature. Is the denotation, connotation and myth of meaning created through cinematic techniques? This is in line with Barthes's idea of extending Pierce's broader system of two-step signage and the sign of denotation, connotation and myth. Denotation is what we see through pictures / visuals / images. It is also a connotation of what we can think of. Thus the researcher summarizes the following problem: how the meaning construction in the film is selected is associated with the analysis of cinematic and semiotic elements. How can cinematic visual techniques give semiotic meaning in movie narrative? Thus this study found that a film that depicts the narrative of social and cultural relations is not just a moving picture but involves a lot of specific messages that are being conveyed through a system of signs and meanings. This system of signs and meanings is not easy to obtain by simply looking at a cinematic narrative and technique but having to deal with the social, psychological, emotional, cultural and social aspects of human life. Film is a discourse of the reality of society and differs from the reflection of reality in which the film shapes and brings back reality based on the codes, conventions, and ideologies of the culture (Sobur, 2009: 128). Film works are developed with a system of punctuation that is either verbal or non-verbal symbols that have either denotative meaning, or even connotative meanings.

ISI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
ISI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI <i>MOVIE PLATE</i>	xv
SENARAI SINGKATAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latarbelakang Kajian	5
1.2.1 Filem Lelaki Harapan Dunia	6
1.2.2 Filem Terbaik Dari Langit	8
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Kepentingan Kajian	11
1.5 Soalan Kajian	12
1.6 Objektif Kajian	13
1.7 Skop dan Limitasi Kajian	13
BAB 2 VISUAL SINEMATIK DAN PENDEKATAN SEMIOTIK	
2.1 Pengenalan	15
2.2 Naratif	17
2.3 Teori Auteur (Auteurship)	27
2.4 Sinematik	32
2.4.1 Mise-en-Scene	32
2.4.1.1 <i>Setting</i> /latar	32
2.4.1.2 Kostum dan Solekan	33
2.4.1.3 Pencahayaan	34
2.4.1.4 Blocking	40
2.4.1.5 Warna	41
2.4.2 Sinematografi	46
2.4.2.1 Teknikal Sinematografi	47
2.4.2.2 <i>Long Shot</i>	48

2.4.2.3	<i>Medium Shot</i>	49
2.4.2.4	<i>Close up</i>	49
2.4.2.5	Sudut Kamera	50
2.4.2.5.1	<i>Straight/Eye level angle</i>	50
2.4.2.5.2	<i>High angle/Tilt Down</i>	51
2.4.2.5.3	<i>Low angle/Tilt Up</i>	52
2.4.2.6	<i>The Rule of Thirds</i>	52
2.4.3	Suntingan	55
2.4.4	Bunyi	56
2.5	Semiotik	57
2.5.1	Model Analisis Roland Barthes	59
2.5.2	Tanda	62
2.5.2.1	Denotasi	62
2.5.2.2	Konotasi	63
2.5.2.3	Mitos	65
2.6	Semiotik Dalam Filem	67

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.1	Pengenalan	70
3.2	Subjek Kajian	73
3.3	Rekabentuk Kajian	74
3.3.1	Kualitatif	74
3.3.2	Kajian Kes	75
3.4	Kaedah Kajian	76
3.4.1	Pengumpulan Data	76
3.4.1.1	Data Primer	76
3.4.1.1.1	Pemerhatian	76
3.4.1.1.2	Analisis Dokumen	77
3.4.1.2	Data Sekunder	78
3.5	Model Analisis Data	78
3.5.1	Model Teori Miles and Huberman	81
3.5.2	Perisian CineMetrics Tools	82
3.5.3	Model Teori Semiotik	84

BAB 4 ANALISIS DAN PERBINCANGAN LELAKI HARAPAN DUNIA (LHD)

4.1	Pengenalan	85
4.2	Latarbelakang Filem	87
4.3	Watak	88
4.4	Sinopsis	88
4.5	Plot	88
4.6	Struktur Tiga Babak dan Pecahan Adegan	89
4.7	Analisa dan Perbincangan	100
4.7.1	Latar dan Watak	100
4.7.2	Sumber Semiotik Latar & Props LHD	157
4.7.3	Sumber Semiotik Watak & Kostum LHD	160
4.7.4	Pencahayaan	163
4.7.5	Komposisi Syot	197
4.7.6	Sumber Semiotik Pencahayaan & Komposisi LHD	206

4.7.7	Warna	207
4.7.8	Sumber Semiotik Warna LHD	216
4.7.9	Gerak Kerja Kamera	218
4.7.9.1	Gerak Kerja Kamera 1	219
4.7.9.2	Gerak Kerja Kamera 2	225
4.7.9.3	Analisis Data CineMetrics	233
4.7.9.4	Sumber Semiotik Gerak Kerja Kamera LHD	239

BAB 5 ANALISIS DAN PERBINCANGAN TERBAIK DARI LANGIT (TDL)

5.1	Latarbelakang Filem	243
5.2	Watak	243
5.3	Plot	244
5.4	Tema Dan Mesej	245
5.5	Struktur Tiga Babak dan Pecahan Adegan	245
5.6	Analisis Dan Perbincangan	257
5.6.1	Latar dan Watak	258
5.6.2	Sumber Semiotik Latar & Watak TDL	273
5.6.3	Komposisi Syot & Pencahayaan	275
5.6.4	Sumber Semiotik Komposisi & Pencahayaan TDL	287
5.6.5	Warna	289
5.6.6	Sumber Semiotik Warna TDL	296
5.6.7	Kesan Khas Visual & Suntingan	298
5.6.8	Analisis Data CineMetrics	304
5.6.9	Sumber Semiotik Kesan Khas Visual & Suntingan TDL	315

BAB 6 KESIMPULAN

6.1	Pendahuluan	319
6.2	Pendekatan Semiotik – Sinematik	323
6.3	Implikasi Kajian	324
6.3.1	Teknologi, Industri dan Penonton	325
6.3.1.1	Kamera	326
6.3.1.2	Teknologi Kesan Khas	327
6.3.2	Masyarakat dan Perfileman	329

BIBLIOGRAFI	333
--------------------	------------

LAMPIRAN	347
-----------------	------------

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1: Senarai Penyertaan Lelaki Harapan Dunia Di Festival Antarabangsa	7
Jadual 2: Senarai Penyertaan Terbaik Dari Langit Di Festival Antarabangsa	8
Jadual 3: <i>12 Colors and Their Meanings</i>	44
Jadual 4: <i>Color-Mood Tones Association</i>	46
Jadual 5: Peta Kerja Tanda Roland Barthes	62
Jadual 6: Pelakon dan Watak LHD	87
Jadual 7: Pecahan adegan Filem Lelaki Harapan Dunia	90
Jadual 8: Adegan 1 hingga 3	100
Jadual 9: Wajah Watak Utama Filem LHD	102
Jadual 10: Wajah Watak Pembantu Filem LHD	104
Jadual 11: Watak Solomon	109
Jadual 12: Adegan 36 hingga 38	110
Jadual 13: Adegan 39 hingga 44	113
Jadual 14: Adegan 42 hingga 44	116
Jadual 15: Adegan 54 hingga 55	117
Jadual 16: Adegan 56 hingga 57	118
Jadual 17: Adegan 58 hingga 62	124
Jadual 18: Adegan 64	129
Jadual 19: Adegan 65 hingga 69	133
Jadual 20: Adegan 70 hingga 72	135
Jadual 21: Adegan 73 hingga 74	139
Jadual 22: Adegan 74 hingga 78	142
Jadual 23: Adegan 79 hingga 89	147
Jadual 24: Adegan 90 hingga 97	151
Jadual 25: Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Latar Dan Props LHD	157
Jadual 26: Rumusan Analisis Makna Semiotik Latar dan <i>Props</i>	159
Jadual 27: Jumlah Keseluruhan Sumber Semiotik Watak dan Kostum LHD	160
Jadual 28: Rumusan Analisis Semiotik Watak dan Kostum LHD	162
Jadual 29: Adegan 16	166
Jadual 30: Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Pencahayaan dan Komposisi Syot LHD	205
Jadual 31: Rumusan analisis Sumber Semiotik Komposisi Syot dan Pencahayaan LHD	206
Jadual 32: Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Warna LHD	217
Jadual 33: Rumusan Analisis Sumber Semiotik Warna LHD	218
Jadual 34: Data Deskriptif <i>Length</i> dan ASL Adegan 16	234
Jadual 35: Pecahan Data Deskriptif <i>Length</i> dan ASL adegan 16	235
Jadual 36: Pecahan Data Deskriptif <i>Length</i> dan ASL adegan 64	237
Jadual 37: Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Gerak Kerja Kamera LHD	240
Jadual 38: Rumusan Analisis Sumber Semiotik Gerak Kerja Kamera LHD	241
Jadual 39: Pelakon dan Watak TDL	243
Jadual 40: Pecahan Adegan Terbaik Dari Langit	246

Jadual 41:	Adegan 1 hingga 3 TDL	257
Jadual 42:	Adegan 36 hingga 38 TDL	266
Jadual 43:	Adegan 59 hingga 60 TDL	268
Jadual 44:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Latar dan Watak TDL	273
Jadual 45:	Rumusan Analisis Semiotik Watak dan Kostum TDL	274
Jadual 46:	Adegan 9 TDL	275
Jadual 47:	Pencahayaan Suram Adegan TDL	279
Jadual 48:	Adegan - adegan <i>flashback</i> TDL	284
Jadual 49:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Komposisi Syot dan Pencahayaan TDL	287
Jadual 50:	Rumusan Analisis Sumber Semiotik Komposisi syot dan Pencahayaan TDL	289
Jadual 51:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Warna TDL	296
Jadual 52:	Rumusan Analisis Sumber Semiotik Warna TDL	297
Jadual 53:	Adegan 9 hingga 10 TDL	298
Jadual 54:	Adegan 14 hingga 19 TDL	301
Jadual 55:	Adegan Ilusi Kedua Berg	302
Jadual 56:	Pecahan Data Deskriptif Length dan ASL adegan 1 (<i>Flashback</i>)	307
Jadual 57:	Pecahan Data Deskriptif Length dan ASL adegan 50 (<i>Flashback</i>)	309
Jadual 58:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Kesan Khas Visual dan Suntingan TDL	315
Jadual 59:	Rumusan Analisis Sumber Semiotik Kesan Khas Visual dan Suntingan TDL	317
Jadual 60:	Sistem Klasifikasi Filem Malaysia (2012)	321



SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1:	Struktur Paradigma Moden	20
Rajah 2:	<i>Sun Reflector & Mirror</i>	35
Rajah 3:	Pencahayaan - Kawalan bayang	40
Rajah 4:	Color Palettes	42
Rajah 5:	Titik persilangan garisan	53
Rajah 6:	Perletakan (<i>placement</i>) subjek dan objek	53
Rajah 7:	<i>Leading concept in composition</i>	54
Rajah 8:	Model Teori " <i>two orders of signification</i> " Roland Barthes	60
Rajah 9:	Model Teori " <i>first orders of signification</i> " Roland Barthes	61
Rajah 10:	Mitos pada signifikasi tahap kedua	67
Rajah 11:	Carta Alir (<i>flowchart</i>) metodologi penyelidikan	72
Rajah 12:	Poster Filem Kajian	73
Rajah 13:	Kerangka Besar Model Analisis Data	79
Rajah 14:	Perincian Kerangka konseptual penyelidikan	80
Rajah 15:	Kerangka Analisis Data Miles & Huberman	82
Rajah 16:	Perisian CineMetrics	83
Rajah 17:	Struktur Paradigma Moden	85
Rajah 18:	Olahan Struktur tiga babak Lelaki Harapan Dunia	90
Rajah 19:	Blangkon - <i>props</i> Tok Bomoh	120
Rajah 20:	Props – Buku Ensiklopedia Hantu-Hantu Melayu	121
Rajah 21:	Tangkal atau Azimat dalam adegan	124
Rajah 22:	Syot kambing dipakaikan bonggol unta	130
Rajah 23:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Latar dan Props LHD (2014)	158
Rajah 24:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Peratusan Sumber Semiotik Latar dan Props LHD (2014)	158
Rajah 25:	Jumlah Keseluruhan Sumber Semiotik Watak dan Kostum LHD (2014)	161
Rajah 26:	Jumlah Keseluruhan Sumber Semiotik Watak dan Kostum LHD (2014)	161
Rajah 27:	Diagram pencahayaan <i>tracking shot 1</i>	167
Rajah 28:	Diagram Pencahayaan <i>Tracking shot 2</i>	168
Rajah 29:	<i>Wide shot</i> hadapan masjid	172
Rajah 30:	Pencahayaan syot iii	173
Rajah 31:	Pencahayaan MCU Pak Awang	173
Rajah 32:	<i>Keylight</i> and <i>Backlight</i> watak Wan	174
Rajah 33:	<i>Scrim</i> and <i>Flag</i>	177
Rajah 34:	Rekaan cahaya <i>interior</i> rumah Khamis	178
Rajah 35:	<i>Bounced Light for characters</i>	178
Rajah 36:	Rekaan cahaya <i>exterior</i> mewujudkan ruang dalam frem	179
Rajah 37:	Pencahayaan syot <i>interior</i> Tok Bomoh dan orang kampung	184
Rajah 38:	Pencahayaan <i>exterior - wide shot</i> rumah	187
Rajah 39:	Situasi sebalik tabir rekaan pencahayaan dan <i>look</i> dalam filem	188

Rajah 40:	Rekaan cahaya medium shot Khamis dan Isteri	188
Rajah 41:	Teknik Pencahayaan bawah pondok	189
Rajah 42:	Keylight yang memberi fokus kepada reaksi wajah Cina	190
Rajah 43:	<i>Low key three-point lighting</i> syot (i)	193
Rajah 44:	<i>Low key three-point lighting</i> syot (ii)	193
Rajah 45:	<i>Low key three-point lighting</i> syot (iii)	194
Rajah 46:	<i>Low key three-point lighting</i> syot (iv)	194
Rajah 47:	Rekaan <i>low key ECU</i> Pak Awang	196
Rajah 48:	Rekaan <i>low key light medium shot</i> Pak Awang menyapu minyak	196
Rajah 49:	Aplikasi <i>Rule of Third composition</i> adegan 1	198
Rajah 50:	Perletakan subjek - watak Cina	199
Rajah 51:	Komposisi subjek titik poin tengah dan <i>looking room</i>	200
Rajah 52:	<i>Dutch angle</i> syot rumah Tok Bilal	203
Rajah 53:	Jumlah Keseluruhan Kekekapan Sumber Semiotik Komposisi Syot dan Pencahayaan Lelaki Harapan Dunia (2014)	205
Rajah 54:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekekapan Sumber Semiotik Komposisi Syot dan Pencahayaan Lelaki Harapan Dunia (2014)	206
Rajah 55:	Ekstrak palet warna digital kawasan hutan	209
Rajah 56:	Estrak palet warna monokromatik adegan bermain kompang	210
Rajah 57:	Intensiti palet warna imej	210
Rajah 58:	Warna analogus adegan Cina dan rakan bermain kompang	211
Rajah 59:	Palet Warna Keseluruhan Adegan 64	212
Rajah 60:	Ekstrak Palet Warna Tertier Digital Adegan 64	213
Rajah 61:	Adegan mewakili karakter dalam filem Star Wars	214
Rajah 62:	Ekstrak warna digital imej watak Pak Awang	215
Rajah 63:	Jumlah Keseluruhan Kekekapan Sumber Semiotik Warna Lelaki Harapan Dunia (2014)	217
Rajah 64:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekekapan Sumber Semiotik Warna Lelaki Harapan Dunia (2014)	218
Rajah 65:	Diagram gerak kerja kamera <i>tracking shot 1</i>	220
Rajah 66:	Diagram gerak kerja kamera <i>tracking shot 2</i>	221
Rajah 67:	Syot Pak Awang, Megat & Lelaki Indonesia	222
Rajah 68:	Aplikasi <i>Rule of Third composition</i> Berg dan Ijam	226
Rajah 69:	<i>Tracking shot 1</i> Adegan 64	228
Rajah 70:	<i>Tracking shot 2</i> Adegan 64	229
Rajah 71:	Graf keseluruhan gerak kerja kamera LHD	235
Rajah 72:	Gerakerja kamera berkonotasi sosial karakter	236
Rajah 73:	Jumlah keseluruhan kekekapan sumber semiotik gerak kerja kamera Lelaki Harapan Dunia (2014)	240
Rajah 74:	Jumlah keseluruhan peratusan kekekapan sumber semiotik gerak kerja kamera Lelaki Harapan Dunia (2014)	240
Rajah 75:	Olahan Struktur Tiga Babak Terbaik Dari Langit	245
Rajah 76:	Watak Berg dewasa	259
Rajah 77:	Watak-watak Ijam, Toyu dan Ali dewasa	263

Rajah 78:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Watak dan Kostum TDL (2014)	274
Rajah 79:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekerapan Sumber Semiotik Watak dan Kostum TDL (2014)	274
Rajah 80:	Aplikasi <i>Rule of Third composition</i> Berg dan Ijam	276
Rajah 81:	Diagram pencahayaan <i>main interior - reverse shot</i> Berg	277
Rajah 82:	Diagram pencahayaan <i>main interior - reverse shot</i> Ijam	278
Rajah 83:	Bright and Dark area of Lighting	281
Rajah 84:	Semiotic Form	286
Rajah 85:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Komposisi syot dan Pencahayaan Terbaik Dari Langit (2014)	288
Rajah 86:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekerapan Sumber Semiotik Komposisi syot dan Pencahayaan Terbaik Dari Langit (2014)	288
Rajah 87:	Warna asas adegan 3	289
Rajah 88:	Pecahan corak warna digital adegan 3	290
Rajah 89:	<i>Complementary Colors adegan 3</i>	290
Rajah 90:	Warna analogus imej adegan 6	291
Rajah 91:	Pecahan skema warna adegan 6	292
Rajah 92:	Skema warna digital ilusi Berg	292
Rajah 93:	Bacaan Luma dan RGB adegan	293
Rajah 94:	Pecahan kelompok warna utama adegan 9 dan 18	294
Rajah 95:	Kombinasi <i>color trademark</i> dan identiti warna TDL	295
Rajah 96:	Jumlah keseluruhan kekerapan sumber semiotik warna Terbaik Dari Langit (2014)	296
Rajah 97:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekerapan sumber semiotik warna Terbaik Dari Langit (2014)	297
Rajah 98:	Data Cinematics - shot TDL	305
Rajah 99:	Bar Chart length and ASL TDL - saat dan minit	305
Rajah 100:	Moving average line adegan awal TDL	308
Rajah 101:	Papan Tanda 'Bilik Sakit'	313
Rajah 102:	<i>Pattern</i> suntingan Adegan 66	314
Rajah 103:	Durasi <i>Medium Shot (MS)</i> Berg buka pintu	314
Rajah 104:	Jumlah Keseluruhan Kekerapan Sumber Semiotik Dan Kesan Khas Visual Dan Suntingan TDL (2014)	316
Rajah 105:	Jumlah Keseluruhan Peratusan Kekerapan sumber semiotik Kesan Khas Visual dan Suntingan TDL (2014)	316
Rajah 106:	Pendekatan semiotik - visual sinematik	321
Rajah 107:	Faktor sumber semiotik dalam filem	324

SENARAI MOVIE PLATE


		Halaman
<i>Movie Plate 1:</i>	<i>Setting</i> dalam filem Raise the Red Lantern	33
<i>Movie Plate 2:</i>	Kostum aktor Gong Li sebagai isteri lelaki kaya	33
<i>Movie Plate 3:</i>	<i>Three-Point Lighting</i>	37
<i>Movie Plate 4:</i>	<i>High-key lighting</i>	38
<i>Movie Plate 5:</i>	<i>Low-key lighting</i>	38
<i>Movie Plate 6:</i>	<i>Blocking</i> karakter dalam frem	41
<i>Movie Plate 7:</i>	Simbol warna merah	42
<i>Movie Plate 8:</i>	Simbol warna ungu	43
<i>Movie Plate 9:</i>	<i>Long Shot</i>	49
<i>Movie Plate 10:</i>	<i>Medium shot</i>	49
<i>Movie Plate 11:</i>	<i>Close up</i>	50
<i>Movie Plate 12:</i>	<i>Eye level angle</i>	50
<i>Movie Plate 13:</i>	<i>High Angle</i>	51
<i>Movie Plate 14:</i>	<i>Low angle/titl up</i>	52
<i>Movie Plate 15:</i>	<i>Subject dead center</i>	55
<i>Movie Plate 16:</i>	<i>Al Jolson Singing</i>	56
<i>Movie Plate 17:</i>	Marilyn Monroe ketika promosi filem "The Seven Year Itch" 1954	61
<i>Movie Plate 18:</i>	<i>Two shot</i> Orked dan Mukhsin	64
<i>Movie Plate 19:</i>	Hassan Terkurung	65
<i>Movie Plate 20:</i>	Latar Hutan LHD	102
<i>Movie Plate 21:</i>	Sambutan orang kampung kepada Encik Juta Seri	103
<i>Movie Plate 22:</i>	<i>Banner</i> dan kostum masyarakat kampung Melayu	106
<i>Movie Plate 23:</i>	Ketibaan En. Juta Seri	107
<i>Movie Plate 24:</i>	Syot sepanduk	107
<i>Movie Plate 25:</i>	Sepanduk 'Selamat Datang'	108
<i>Movie Plate 26:</i>	Susunan syot sumbangan derma	109
<i>Movie Plate 27:</i>	Latar masjid	111
<i>Movie Plate 28:</i>	Sekuen Wan meminta tolong	112
<i>Movie Plate 29:</i>	Watak dan Kostum di dalam masjid	113
<i>Movie Plate 30:</i>	<i>Intercut shot</i> menggambarkan penduduk kampung	114
<i>Movie Plate 31:</i>	Reaksi watak orang kampong	115
<i>Movie Plate 32:</i>	Sekuen orang kampung ketakutan	115
<i>Movie Plate 33:</i>	Watak - watak di rumah Khamis	116
<i>Movie Plate 34:</i>	Latar tempat rumah Tok Bilal	118
<i>Movie Plate 35:</i>	<i>Establish</i> latar dan Watak Tok Bomoh	119
<i>Movie Plate 36:</i>	<i>Medium Close Up</i> Tok Bomoh membaca mantera	122
<i>Movie Plate 37:</i>	<i>Medium shot</i> Khamis berpakaian wanita	125
<i>Movie Plate 38:</i>	MS Khamis mencium tangan isteri	126
<i>Movie Plate 39:</i>	Sekuen suntingan <i>Parallel</i>	127
<i>Movie Plate 40:</i>	Syot Khamis menegur Pak Awang	127
<i>Movie Plate 41:</i>	Sekuen konfrontasi Pak Awang dan Wan	128
<i>Movie Plate 42:</i>	Sekuen Tok penghulu melihat 'baby unta'	129
<i>Movie Plate 43:</i>	Sekuen cadangan Apan membeli unta	131

<i>Movie Plate 44:</i>	Syot Solomon masih tinggal di rumah Amerika	133
<i>Movie Plate 45:</i>	Pak Awang meminta bantuan Tok Penghulu	134
<i>Movie Plate 46:</i>	Pak Awang di tangkap oleh orang kampung	134
<i>Movie Plate 47:</i>	Syot Pak Awang terlihat Megat bersama orang kampung	135
<i>Movie Plate 48:</i>	Hubungan akrab Pak Awang dan Megat di babak 1	136
<i>Movie Plate 49:</i>	MCU reaksi kekecewaan dan rasa bersalah watak	136
<i>Movie Plate 50:</i>	<i>Full shot</i> Pak Awang menendang pasu	137
<i>Movie Plate 51:</i>	Sekuen Pak Awang dibenci oleh kanak-kanak	137
<i>Movie Plate 52:</i>	Sekuen Pak Awang memarahi kanak-kanak	139
<i>Movie Plate 53:</i>	Pak Awang berjumpa Tok Bilal	140
<i>Movie Plate 54:</i>	Pak Awang menangis	141
<i>Movie Plate 55:</i>	Latar tempat masjid	143
<i>Movie Plate 56:</i>	<i>High angle shot</i> Pak Awang dan Tok Bilal menuju ke masjid	143
<i>Movie Plate 57:</i>	Pak Awang dan Penghulu bertengkar	144
<i>Movie Plate 58:</i>	Pak Awang menarik Penghulu	145
<i>Movie Plate 59:</i>	Cina membela Tok Penghulu	145
<i>Movie Plate 60:</i>	Sekuen korban unta	146
<i>Movie Plate 61:</i>	<i>Close up</i> Pak Awang tidak terurus	148
<i>Movie Plate 62:</i>	Sekuen Wan memakai gincu	148
<i>Movie Plate 63:</i>	<i>Full shot</i> sekumpulan orang kampung di pondok	149
<i>Movie Plate 64:</i>	Pak Awang memakai gincu dan minyak hitam	150
<i>Movie Plate 65:</i>	Sekuen Pak Awang menyerang kanak-kanak	150
<i>Movie Plate 66:</i>	Orang kampung bergegas ke rumah mangsa	151
<i>Movie Plate 67:</i>	<i>Low angle</i> Pak Awang menuju ke hadapan rumah usang	152
<i>Movie Plate 68:</i>	<i>Full shot</i> Pak Awang masuk rumah usang	153
<i>Movie Plate 69:</i>	Sekuen Pak Awang dan Solomon terkejut	153
<i>Movie Plate 70:</i>	Solomon lari memasuki rumah using	154
<i>Movie Plate 71:</i>	Sekuen Orang kampung membakar rumah usang	155
<i>Movie Plate 72:</i>	Sekuen Solomon terjumpa Tok Bilal dan orang kampung	155
<i>Movie Plate 73:</i>	Sekuen Solomon terkejut dan melarikan diri	156
<i>Movie Plate 74:</i>	Sekuen Pak Awang dikejar orang kampung	156
<i>Movie Plate 75:</i>	<i>Reverse shot</i> Pak Awang	163
<i>Movie Plate 76:</i>	<i>Medium Close Up</i> Megat menjelir lidah	164
<i>Movie Plate 77:</i>	Sokongan pencahayaan - <i>butterfly reflector</i>	164
<i>Movie Plate 78:</i>	Sekuen watak Tok Bilal	165
<i>Movie Plate 79:</i>	<i>Close up</i> jari Tok Bilal dan tulisan Braille	165
<i>Movie Plate 80:</i>	<i>Medium Close up</i> wajah Tok Bilal	166
<i>Movie Plate 81:</i>	<i>Insert shot</i> buku lakaran	168
<i>Movie Plate 82:</i>	Pencahayaan <i>wide shot</i> masjid	169
<i>Movie Plate 83:</i>	Rekaan cahaya pada saiz syot kecil dan lebar	171
<i>Movie Plate 84:</i>	Pencahayaan Di sebalik tabir syot Cina dan Wan	175
<i>Movie Plate 85:</i>	Disebalik Tabir dan syot dalam filem	176
<i>Movie Plate 86:</i>	Penggunaan <i>Reflector</i>	177
<i>Movie Plate 87:</i>	MCU Wajah Solomon dengan <i>low key lighting</i>	180
<i>Movie Plate 88:</i>	Sekuen Solomon memasuki rumah Tok Bilal	180

<i>Movie Plate 89:</i>	Watak Sosok politik	181
<i>Movie Plate 90:</i>	Sekuen Solomon mengaku teman En. Juta Seri	182
<i>Movie Plate 91:</i>	Syot Tok Bilal dan Solomon	183
<i>Movie Plate 92:</i>	Rekaan cahaya pada saiz syot yang lebih kecil	185
<i>Movie Plate 93:</i>	Tok Bomoh memujuk Pak Awang gunakan tangkal	186
<i>Movie Plate 94:</i>	Rekaan cahaya <i>Reverse shot</i> reaksi rakan Cina	190
<i>Movie Plate 95:</i>	<i>Full shot</i> watak terkangkang	191
<i>Movie Plate 96:</i>	Syot – syot rekaan <i>low key light</i>	192
<i>Movie Plate 97:</i>	<i>Medium close up (MCU)</i> Cina	195
<i>Movie Plate 98:</i>	Rekaan cahaya <i>low key full shot</i> Pak Awang	197
<i>Movie Plate 99:</i>	Warna adegan Perbualan Tok Penghulu	201
<i>Movie Plate 100:</i>	Warna Hitam mewakili karakter Solomon & Pak Awang	202
<i>Movie Plate 101:</i>	<i>Extreme Close up</i> Daun keladi	212
<i>Movie Plate 102:</i>	<i>Medium Close Up</i> Megat menjelirkan lidah	215
<i>Movie Plate 103:</i>	<i>Close up</i> tangan Pak Awang melakar rumah	219
<i>Movie Plate 104:</i>	Lelaki Indonesia melihat lakaran rumah Pak Awang	220
<i>Movie Plate 105:</i>	MS syot Pak Awang dan Megat	223
<i>Movie Plate 106:</i>	<i>Two shot/eye level</i> Cina dan Apan	227
<i>Movie Plate 107:</i>	Sekuen <i>wide shot</i> penutup LHD	232
<i>Movie Plate 108:</i>	<i>Hand held camera movement</i>	233
<i>Movie Plate 109:</i>	Rakaman video amatir Berg	258
<i>Movie Plate 110:</i>	Pengenalan watak empat sahabat	258
<i>Movie Plate 111:</i>	Sekuan Berg melihat cahaya	259
<i>Movie Plate 112:</i>	Berg dan pengkritik filem	260
<i>Movie Plate 113:</i>	Ali bergaduh dengan Lelaki Warung	262
<i>Movie Plate 114:</i>	Dunia glamor selebriti	263
<i>Movie Plate 115:</i>	Berg bertemu datuknya	266
<i>Movie Plate 116:</i>	Toyu berwarna biru - kolar biru	267
<i>Movie Plate 117:</i>	Sekuen mereka dikejar pemilik lembu	268
<i>Movie Plate 118:</i>	Sekuen Toyu bersemuka Ijam	269
<i>Movie Plate 119:</i>	Mamat Khalid sebagai Abang Lori	271
<i>Movie Plate 120:</i>	Syot Abang Lori tiba di stesen keretapi	272
<i>Movie Plate 121:</i>	Sekuen Ijam teringat memori zaman remaja	283
<i>Movie Plate 122:</i>	<i>Full shot</i> Ijam kemarahan	283
<i>Movie Plate 123:</i>	Sekuen kesan khas visual Ilusi Berg	299
<i>Movie Plate 124:</i>	Sekuen Berg kembali ke realiti dari dunia ilusi	300
<i>Movie Plate 125:</i>	Sekuen Berg dikejutkan oleh Ali dari khayalan	301
<i>Movie Plate 126:</i>	Latar tempat padang berbukit	302
<i>Movie Plate 127:</i>	Sekuen Illusi Berg bertemu datuknya	303
<i>Movie Plate 128:</i>	Berg dengan video kamera	306
<i>Movie Plate 129:</i>	Berg mencari Ali	308
<i>Movie Plate 130:</i>	Ilusi pertama Berg	310
<i>Movie Plate 131:</i>	Ilusi kedua Berg	311
<i>Movie Plate 132:</i>	Sekuen ilusi ketiga Berg	311

SENARAI SINGKATAN


ASL	-	<i>Average Shot Length</i>
DFN	-	Dasar Filem Negara
DIKN	-	Dana Industri Kreatif Negara
ECU	-	<i>Extreme Close Up</i>
LHD	-	Lelaki Harapan Dunia
LS	-	<i>Long Shot</i>
LW ANGL	-	<i>Low Angle</i>
MCU	-	<i>Medium Close Up</i>
MS	-	<i>Medium Shot</i>
OTS	-	<i>Over the shoulder</i>
PAN	-	<i>Panning</i>
PAN W T	-	<i>Pan with track</i>
POV	-	<i>Point of view</i>
TDL	-	Terbaik Dari Langit
TR W PA	-	<i>Track with panning</i>
WS	-	<i>Wide shot</i>



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A: Poster Lelaki Harapan Dunia	347
Lampiran B: Poster Terbaik Dari Langit	348
Lampiran C: <i>Cinematics Database</i> Filem Lelaki Harapan Dunia	349
Lampiran D: <i>Cinematics Database</i> Filem Terbaik Dari Langit	350



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Filem merupakan sebuah medium yang dapat mengangkat nilai pesan atau mesej kepada penonton dengan mudah. Namun, pengaplikasian pesan supaya dapat diterima oleh penonton bukan sesuatu yang mudah kerana naratif yang baik belum tentu dapat diolah dengan baik menerusi pemahaman teknik sinematik. Penggunaan elemen *mise en scene*, latar, watak, props, kostum dan pencahayaan memainkan peranan yang cukup besar untuk mengangkat makna yang diolah dengan pengetahuan teknikal dan kreativiti. Ini perlu direalisasikan menerusi ruangan frem agar segala bentuk elemen itu dapat berkomunikasi untuk menyampaikan makna tersirat. Pengetahuan budaya dan falsafah sesebuah bangsa itu juga memainkan peranan penting supaya penyampaian makna itu tidak terikat dengan penggunaan aspek verbal iaitu dialog.

Dengan menggunakan kaedah pemahaman teori semiotik, makna itu dapat dibaca dengan lebih sistematik. Prinsip dasar semiotik adalah bahawa tanda mempunyai dua bahagian: fizikal, atau tanda-sebagai-objek dan psikologi, atau tanda sebagai konsep (Metz, 1974). Barthes (1964) menyatakan, filem adalah singkatan daripada istilah visual, manakala pawagam yang menayangkan visual tersebut disebut sebagai sinestetik kerana ia merangsang deria, justeru aspek yang remeh dalam kehidupan seharian sekalipun dapat diisi dengan makna, dan ini termasuk bahkan gaya rambut seorang karakter. Justeru, literasi visual sinematik yang tinggi perlu dikuasai oleh setiap pembikin filem untuk menjadikan filem mereka lebih bermakna dan dapat diterima dari sudut pemikiran sesuatu bangsa atau individu sekaligus membawa kepada falsafah tertentu kepada budaya masyarakat itu.

Menurut Ahmad Murad Merican (2007: 1), filem merupakan manifestasi kepada *modernism*¹ dan *modernity*². Ia adalah kilang mimpi dan ikon pop, pancaran nilai dan falsafah tamadun, dan *consciousness*. Kita terlupa bahawa segala-galanya yang moden itu lahir dan terbit dari falsafah. Falsafah terserlah dalam pengarah dan kandungan filem yang diolah penuh makna yang tersirat. Dalam era globalisasi, yang seringkali dikaitkan dengan persaingan, dominasi dan identiti, filem merupakan salah satu medium penyaluran falsafah. Jika kita lemah, kita tidak dapat memahami falsafah dan menangani mesej yang tersebar itu, apatah lagi mencorak imej yang diingini kepada dunia. Falsafah juga dapat mempertahankan kenovelan idea-idea asasi yang mencerahkan sistem sosial. Falsafah boleh menterbalikkan penyerapan perlahan pemikiran yang telah diterima-setujui supaya berada ke arah tempat biasa yang tidak aktif. Inilah yang terdapat dalam keagungan Shakespeare. Beliau bukan hanya memaparkan kemelut kemanusiaan, tetapi, khusus melalui drama-dramanya, mengisyratkan matlamat kehidupan insan yang paling tinggi.

Menurut John Mullarkey (2009: ix) dalam *Refractions of Reality: Philosophy and the Moving Image* menyatakan bahawa falsafah dan sinema sama-sama memaparkan sesuatu yang megah, iaitu sebuah realiti itu sendiri. Falsafah dan sinema mampu memberikan gambaran realiti secara kuat. Tambahannya, jika falsafah secara umum fokus pada kata-kata, sinema pula tertumpu pada medium visual. Seorang ahli falsafah dan pengarah filem pada dasarnya sama-sama berupaya menakluki realiti.

Menurut Freeland (1995: 1) hubungan falsafah dan filem sebagai hubungan yang tidak sama, maksudnya ketika falsafah selalu berupaya untuk mengemukakan aspek-aspek penting dari filem, filem juga dapat mencabar falsafah untuk memikirkan filem dan masalah filem secara baru. Robert Sinnerbrink (2011) "*Film-philosophy*" adalah corak berfikir dengan penggabungan antara filem dan falsafah. Filem boleh dijadikan idea falsafah atau mencerminkan medium itu sendiri dengan rangsangan memori manusia tertentu yang terkandung didalamnya. Menurut Syd Field (1982), filem merupakan medium visual yang menceritakan sesuatu jalan cerita asas yang dramatik. *A series of moving pictures recorded with sound that tells a*

¹ *modern character or quality of thought, expression, or technique*

² *the quality or condition of being modern.*

story, shown on television or at the cinema/movie theater (Hornby, 2005: 573). James Monaco (2000), filem mempunyai gambar menarik, potensi visual yang tepat (*precise visual*) dan mempunyai ruang kebolehan naratif yang lebih luas dan merupakan hasil imej kolektif.

Menurut Dr. Naim Hj Ahmad (1983, 7), Ia adalah seni dan sains serta berperanan sebagai media kreatif untuk mendokumentasikan budaya dan kehidupan masyarakat tertentu di dalam bentuk idea, pandangan atau pendapat melalui sesuatu struktur naratif yang melibatkan rakaman rentetan peristiwa yang dilakukan oleh watak. Ia juga sebagai alat untuk tujuan penyampaian dan pengarkiban, disamping sebagai alat untuk kajian saintifik. Ia juga disebut sebagai industri budaya merujuk kepada sebagai industri kreatif atau industri kandungan (*content industries*). Industri budaya termasuklah percetakan, penerbitan multimedia, audio-visual, produksi sinematografi, dan hasil kraf tangan serta reka bentuk. Ini ditegaskan lagi oleh Azizah Hamzah, 2010: 4), di negara-negara tertentu, konsep ini merujuk kepada seni bina, seni persembahan, seni visual, sukan, pengeluaran alat muzik, periklanan, dan pelancongan kebudayaan.

Berdasarkan Bordwell dan Carroll (2005), kajian filem adalah melihat kepada tingkahlaku persepsi manusia. Penilaian aspek formal dan kognitif, pecahan interpretasi dan komponen pengalaman ketika menonton filem merupakan faktor rasionalisme terhadap sesebuah filem. Ini dilakukan dengan adanya teknologi suntikan syot yang merupakan bentuk kebiasaan kerana ia adalah logik akal ketika menonton filem. Teks filem adalah sebuah *art form*³ berbentuk *representational*⁴. Ia berkebolehan mengutarakan pemikiran terhadap subjek pilihan. Filem dengan kata lain adalah sebuah medium penyampaian komunikasi yang mentafsir pemikiran sekumpulan produksi. Yang dipentingkan ialah medium filem dilihat dari sudut sinematiknyanya – bukan *literary* (hanya cerita dan watak). Corak pemikiran ini tidak akan berlaku sekiranya naratif sesebuah filem itu dihasilkan tanpa panduan, hala tuju atau kaedah tertentu yang boleh di terima oleh minda penonton. Justeru, kajian ini adalah amat berkepentingan bagi menghurai falsafah dan teknik penghasilan makna menerusi visual sinematik yang diolah oleh pengarah.

³ *any activity regarded as a medium of imaginative or creative self-expression*

⁴ *something (such as a picture or symbol) that stands for something else*